



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PANDUAN DAN PROSEDUR PERMOHONAN MENGIKUTI PENGAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) DI TIMUR TENGAH (MESIR DAN JORDAN) 2019/2020

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Agama Tinggi Malaysia (STAM) yang berkelayakan dan berminat untuk melanjutkan Pengajian ke Timur Tengah (Mesir dan Jordan) dalam Program Ijazah Sarjana Muda bagi bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Pengajian Islam.

Permohonan hanya diproses oleh KPM sahaja. **KPM tidak mendaftar / melantik mana-mana agen bagi urusan permohonan dan penempatan pelajar ke Timur Tengah.** Oleh yang demikian, penggunaan agen bagi menguruskan permohonan dan penempatan ke Timur Tengah adalah atas pilihan dan tanggungjawab pelajar atau ibubapa sendiri.

Pihak KPM hanya menguruskan permohonan dan penempatan pelajar ke Timur Tengah sahaja. Manakala yuran pengajian ditanggung / diuruskan sendiri oleh pelajar yang memohon.

Permohonan adalah secara atas talian yang akan dibuka pada **22 Januari 2019 (Selasa)** pada jam **3.00 petang**. Permohonan bidang **Pengajian Islam (STAM)** ditutup pada **31 Januari 2019 (Khamis)** pada jam **11.59 malam**. Pemakluman kepada pelajar yang layak mohon akan diumumkan pada **11 Febuari 2019 (Isnin)** dan pelajar yang layak perlu menghantar dokumen-dokumen sokongan kepada Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum atau selewat-lewatnya pada **11 Mac 2019 (Isnin)** sebelum jam **5.00 petang**. Permohonan dengan kelayakan **SPM dan Diploma Qiraat** akan ditutup pada **8 April 2019 (Isnin)** pada jam **11.59 malam**. Selepas keputusan SPM

diumumkan, pemohon diminta untuk mengemaskini permohonan bermula pada **19 Mac 2019 (Selasa)** pada jam **12.00 tengah hari** dan pemohon perlu menghantar dokumen-dokumen sokongan kepada Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia selewat-lewatnya sebelum atau pada **31 Mei 2019 (Jumaat)** sebelum jam **5.00 petang**.

SYARAT PERMOHONAN KE UNIVERSITI DI MESIR

1. Pemohon yang ingin mengikuti pengajian di universiti di Mesir peringkat ijazah pertama hendaklah memenuhi syarat kelayakan minimum yang telah ditetapkan seperti berikut:

- 1.1 **Pergigian & Farmasi**

Lulus **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan memperoleh **purata peratusan markah sekurang-kurangnya 79% dalam lapan (8) subjek** iaitu **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi** di peringkat SPM.

dan

Memperoleh sekurang-kurangnya kepujian dengan **gred B** dalam **Biologi, Kimia, Fizik, Matematik dan Matematik Tambahan** di peringkat SPM.

Nota: Bagi permohonan ke Universiti Al Azhar dalam bidang Sains Kesihatan SPM **tidak melebihi tempoh dua (2) tahun** dari tarikh sijil dikeluarkan dan pelajar perlu **mempunyai Bahasa Arab di peringkat SPM**. Manakala pemegang SPM selain tahun 2018 yang memohon selain Universiti alAzhar, bayaran penalti (*Qidam Muahhil*) dikenakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Mesir dengan kadar EGP750.00 bagi setiap tahun yang lewat. Pembayaran perlu dibuat oleh pelajar melalui pejabat EME di Mesir.

1.2 Pengiraan Purata Peratusan

Bil.	Gred SPM	Markah
1	A+	100
2	A	95
3	A-	90
4	B+	85
5	B	80
6	C+ / C	75
7	D	0
8	E	0
9	F	0

Kaedah Pengiraan Peratus:

Jumlah Markah Iapan Subjek berkaitan

8

Contoh: pelajar mendapat 7A+ dan 1B

$$= 7(100) + 1 (80)$$

$$= \underline{700+ 80}$$

8

$$= 97.5\%$$

2. **Syarat kelayakan masuk ke Universiti Al-Azhar ijazah Pertama** telah ditetapkan seperti berikut:

2.1 Pengajian Islam

Lulus **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** dengan memperoleh sekurang-kurangnya pangkat **JAYYID** dengan syarat sijil STAM tidak melebihi 3 tahun semasa membuat permohonan
dan
Menduduki Imtihan Qabul (IQ).

2.2 Pengajian Qiraat

Mempunyai **Diploma Qiraat** yang diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar dengan syarat sijil / diploma tidak melebihi 3 tahun semasa membuat permohonan
dan lulus:

- i. **Tapisan Keselamatan (*Muafaqah Amniyah*)**
- ii. **Imtihan Qabul (IQ).**

2.3 Senarai Institusi yang diiktiraf oleh Universiti al-Azhar dalam bidang Qiraat

Bil	Nama Institusi / Maahad	kesetaraan
1	Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah (Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif
2	Maahad Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Pulau Chondong , Kelantan.	Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah (Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif
3	Kolej Hafiz Klang , Selangor Darul Ehsan.	Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah (Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif
4	Kolej Islam antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)	Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah (Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif

2.4 **Ulum Islamiah**

Lulus semua subjek dalam **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dan mendapat **sekurang-kurangnya Gred B** dalam subjek **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik, Syariah Islamiah dan Pendidikan al-Quran Sunah**, dengan syarat sijil SPM tidak melebihi tiga (3) tahun semasa membuat permohonan. Selain itu, keputusan SPM juga haruslah tidak memiliki mana-mana subjek **GAGAL** atau **TIDAK HADIR**.

dan

Menduduki Imtihan Qabul (IQ).

SYARAT PERMOHONAN KE UNIVERSITI DI JORDAN

1. Pemohon yang ingin mengikuti pengajian di universiti di Jordan peringkat ijazah pertama hendaklah memenuhi syarat kelayakan minimum yang telah ditetapkan seperti berikut:

1.1 Perubatan & Pergigian

Lulus **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan memperoleh **Purata Peratusan Markah sekurang-kurangnya 90%** bagi semua subjek SPM ,

Memperoleh **sekurang-kurangnya gred A-** bagi subjek **Biologi, Fizik, Kimia, Matematik, Matematik Tambahan, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab** di peringkat SPM

dan

sijil SPM tidak melebihi **tiga (3) tahun semasa** membuat permohonan.

1.2 Pengajian Islam

Lulus **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan memperoleh **Purata Peratusan Markah sekurang-kurangnya 80%** bagi semua subjek SPM

dan

Memperoleh **sekurang-kurangnya gred A-** bagi **subjek Bahasa Arab dan subjek yang berkaitan Pengajian Islam** di peringkat SPM.

1.3 pengiraan Purata Peratusan

Grade	Average in %
A+	98
A	95
A-	92
B+	89
B	86
C+	80
C	70
D	60
E	50
F	49

CONTOH : Pelajar mendapat 7A+ dan 2B

$$= [7 (98) + 2 (86)] / 9 \text{ subjek}$$

$$= 95.33\%$$

PROSEDUR DAN PANDUAN PERMOHONAN MENGIKUTI PENGAJIAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI MESIR DAN JORDAN

1. Sila ambil perhatian perkara-perkara berikut sebelum dan semasa mengisi permohonan secara atas talian;
 - 1.1 Pastikan anda membaca panduan dan prosedur permohonan melanjutkan pengajian di Timur Tengah (Mesir dan Jordan) sebelum mengisi permohonan atas talian;
 - 1.2 Anda perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum membuat permohonan atas talian. Sila pastikan emel yang didaftarkan adalah aktif, nama penuh dan no. kad pengenalan anda adalah betul dan tepat.
 - 1.3 Setelah membuat pendaftaran, anda perlu log masuk ke dalam sistem e-timurtengah di pautan <https://dohe.moe.gov.my/timurtengah> bagi melengkapkan maklumat permohonan
 - 1.4 Anda hanya dibenarkan untuk membuat permohonan bagi **SATU (1)** negara dan **SATU (1)** bidang sahaja. Anda juga dinasihati supaya membuat permohonan yang memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan.
 - 1.5 Pastikan maklumat yang diisi adalah betul dan lengkap sebelum tekan butang **simpan** dan **hantar**.
 - 1.6 Anda dinasihatkan agar berhati-hati dan teliti semasa mengisi permohonan. Pengemaskinian maklumat boleh dilakukan sehingga tarikh akhir permohonan.

- 1.7 Dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas daripada tarikh tutup, anda boleh menyemak sama ada **melepasi syarat atau tidak melepasi syarat** melalui sistem permohonan dalam talian / *online*.
- 1.8 Bagi permohonan bukan SPM tahun semasa pemakluman melepasi syarat atau tidak melepasi syarat dijangka lewat diumumkan (melebihi tujuh (7) hari bekerja)
- 1.9 Setelah anda disahkan melepasi syarat permohonan dalam talian / *online*, anda akan menerima slip permohonan melalui sistem dan anda dikehendaki mencetak slip permohonan yang telah didaftarkan.
- 1.10 Hanya pemohon yang melepasi syarat dan menerima slip permohonan sahaja perlu menghantar dokumen-dokumen sokongan (rujuk senarai semak setiap negara dan bidang yang dipohon).
- 1.11 Permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses** dan akan ditolak sama sekali.
- 1.12 Bagi pemohon yang layak, anda perlu membuat terjemahan sijil SPM dan Sijil Lahir/ Surat Beranak/ Borang W serta terjemahan sijil tersebut perlu disahkan.
- 1.13 Anda dinasihatkan untuk membuat terjemahan Sijil Lahir dan keputusan SPM/ STAM lebih awal bagi mengelakkan kelewatan penerimaan terjemahan
- 1.14 Bagi pemohon lepasan STAM, sijil asal STAM (Bahasa Arab) yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia **TIDAK BOLEH DILIMINATED**. Hanya sijil asal STAM yang diterima oleh Universiti Al- Azhar.

- 1.15 Terjemahan SPM dan Sijil Lahir/ Surat Beranak/ Borang W dalam Bahasa Arab boleh dibuat di Institut Terjemahan Buku Malaysia di alamat berikut;

Institut Terjemahan Buku Malaysia
Wisma ITBM
No. 2, Jalan 2/27E
Wangsa Maju, Seksyen 10
53300 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-4149 7210/ 03-4145 1800
(samb. 1850/ 1852/ 1854/ 1861)
No. Faks : 03-4149 1535/ 0341432939/ 0341432946

- 1.16 Terjemahan sijil SPM dan Sijil Lahir/ Surat Beranak/ Borang W perlu disahkan oleh Bahagian Konsular, Kementerian Luar Negeri di alamat berikut:

Kementerian Luar Negeri
Bahagian Konsular, Wisma Putra
No 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
62602 Putrajaya
No tel : 03-8000 8000
No faks : 03-8889 1717

- 1.17 Semua dokumen sokongan perlu disahkan oleh Pegawai Kanan Kerajaan (Kumpulan A) / Ahli Dewan Undangan Negeri / Pesuruhjaya Sumpah / Pengetua / Guru Besar / Ketua Kampung / Penggawa / Penghulu.
- 1.18 Bagi permohonan bidang **Pengajian Islam (STAM)** pelajar yang layak mohon perlu menghantar dokumen-dokumen sokongan kepada Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum atau selewat-lewatnya pada **11 Mac 2019 (Isnin)** sebelum jam **5.00 petang**.

- 1.19 Bagi permohonan yang menggunakan keputusan **SPM dan Diploma Qiraat**, pemohon perlu menghantar dokumen-dokumen sokongan kepada Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia selewat-lewatnya sebelum atau pada **31 Mei 2019 (Jumaat)** sebelum jam **5.00 petang**.
- 1.20 Slip permohonan yang telah dicetak berserta dengan dokumen-dokumen sokongan perlu dikemukakan ke alamat di bawah mengikut tarikh yang telah ditetapkan:
- Pengarah
Bahagian Education Malaysia
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, No 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 PUTRAJAYA**
- 1.21 Sekiranya dokumen sokongan tidak dikemukakan kepada Bahagian ini pada tarikh yang ditetapkan, secara **automatik** permohonan anda terbatal dan ditolak.
- 1.22 Anda **WAJIB** mengisi **Borang Aku Janji Permohonan Melanjutkan Pengajian Ke Timur Tengah Bagi Sesi 2019/2020**.
2. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah menghubungi, Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi di talian; **03-8870 6627 / 6226** dan No. Faks: **03-8870 6853**.

PERINGATAN!!

Pemohon yang didapati sengaja atau tidak sengaja memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam permohonan dalam talian / online dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan akan diambil tindakan tegas dengan menarik balik permohonan dan surat tawaran serta dikenakan tindakan undang-undang.

MAKLUMAT LANJUT

Untuk maklumat lanjut, pelajar boleh menghubungi alamat berikut:

Education Malaysia Mesir

Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah (DMAK)
No. 26 Sabel elKhazindar
Abbasiah, Kaherah
Arab Republic of Egypt

EGYPT

Tel : 00 202-24873858
Faks : 00 202-24873859
Emel : admin@emegypt.net
Laman Web : <http://www.emegypt.net/>
FB/Instagram/Twiiter : Education Malaysia Egypt

Education Malaysia Jordan

No. 15, Moh'd Baseem Al-Khammash Street
Sweifieh, Amman
11185 JORDAN

Tel : 00 962 6 5927766 / 5922998
Faks : 00 962 6 5921880
Laman Web : <http://www.emjordan.jo/data/>
FB : Education Malaysia Jordan

Kementerian Luar Negeri Malaysia

Wisma Putra, No 1, Jalan Wisma Putra
Presint 2
62602 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 1717
Laman Web : <http://www.kln.gov.my>

Disediakan oleh:

**Bahagian Education Malaysia
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8870 6853
Laman Web: <http://www.moe.gov.my/>**